

Aktiviti luar kampus tingkat keyakinan penuntut

SA 5/10/10 mls TS

- Bahang semester baru yang bermula sekitar akhir Disember lalu di institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh penuntut bagi menaikkan semangat supaya mampu memperoleh keputusan cemerlang dalam akademik tanpa meminggirkan aktiviti kokurikulum.
- Penuntut Tahun Ketiga Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Farah Adeeba Abd Kareem, 21, berkata, dalam usaha mengejar mata terbaik dalam setiap semester, kegiatan kokurikulum juga perlu diutamakan bagi membina modal insan berkualiti pada peringkat kampus.
- Menurutnya, aktiviti kokurikulum memberi penuntut keyakinan diri kerana setiap kali berjaya melaksanakan sebarang tugas, mereka memperoleh pengalaman baru yang boleh dimanfaatkan apabila melakukan aktiviti lain pula.
- Farah Adeeba berkata, aktiviti kokurikulum dan luar kampus yang turut membabitkan masyarakat serta komuniti adalah platform terbaik melahirkan generasi muda peka terhadap masalah penduduk, sekali gus mendidik mereka sebagai pemimpin terbaik.

